



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUNWAY XFARMS PLANS 4 URBAN FARM HUBS, NEWS, NST -15	LAIN-LAIN
2.	USAHAKAN PERTANIAN BANDAR KHUSUSNYA DI TANAH TERBIAR, NASIONAL, SH -20	
3.	KOPERASI SERTAI AKTIVITI PERTANIAN TERUS MENINGKAT, NASIONAL, BH -14	
4.	KEBUN PUNCAK BANGUNAN, K2, KOSMO -19	
5.	PETIK SENDIRI SAYUR ORGANIK ATAS BANGUNAN, K2, KOSMO -20	
6.	TANAMAN TANPA TANAH UNTUK WARGA KOTA, K2, KOSMO -21	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

3 MILLION KG PRODUCTION TARGET

SUNWAY XFARMS PLANS 4 URBAN FARM HUBS

Firm earmarks sites in Klang Valley, Penang, Ipoh and Iskandar Puteri

ASILA JALIL
KUALA LUMPUR
bit@nst.com.my

SUNWAY Group, through Sunway XFarms, plans to build one million square feet of decentralised, smart farms across four urban hubs in Malaysia in the next five years.

Sunway Group chief innovation officer and Sunway XFarms director Matt van Leeuwen said the group planned to scale up the farms and increase its produce to provide better, healthier options for the public.

"This is obviously not something that will happen overnight, but in the next five years we aim to build one million square feet of decentralised, smart farms across four urban food hubs in Malaysia.

"This includes Klang Valley, Iskandar Puteri in Johor, Ipoh, and Penang, which are all areas where Sunway has a strong presence. In five years, we expect these four hubs will yield three million kg of produce a year," he told the *New Straits Times*.

The concept for Sunway XFarms came about two years ago, during the onset of the pandemic, driven by several market shifts that were taking place.

He said the pandemic showed that food supply chains were fragile and it required innovation to address farm-to-fork inefficiencies.

Another driver of the initiative was students at Sunway University who took an interest in IoT technologies to build agricultural solutions.

He said through Sunway iLabs in 2018, the group had built a makerspace in Sunway University to give students a space to turn ideas into prototypes.

He realised that young talent were getting interested in agriculture because of the technology involved. However, they lacked a testbed to validate their ideas and take them to market.

At the same time, the group had several brainstorming sessions with its property division in Sunway on ways to turn under-utilised and idle spaces into productive spaces that could engage the community and build a more sustainable living environment.

"Taking into account these market shifts, we started off as an urban farm innovation hub with the backing from Sunway University and Sunway Property.

"The main objective of this hub was to bring together students, researchers, entrepreneurs and industry leaders to address food security and give young talent an opportunity to develop their agritech skills.

"As part of the urban farm innovation hub, we built a few pilot farms as a proof of concept to validate the technology and business model, and developed a talent pool. Soon after that, in late 2020, in the middle of the pandemic, Sunway XFarms was born," he said.

Sunway XFarms has grown more than 70 varieties of leafy greens and herbs in its greenhouses and indoor vertical farms. He said the company was sup-



A Sunway XFarms worker with vegetables grown at one of its pilot urban farms.

plementing this with fruity vegetables and have started research on growing soft fruits, such as strawberries.

"Our product range is very dependent on local needs and tastes of our customers. The beauty of our technology-driven production methods is that we can rapidly switch between crops if market demand changes in terms of quantity and variety.

"This not only enables us to serve our customers better, but it also ensures we are not wasting food, which is really aligned to our sustainability values in Sunway," he added.

Sunway XFarms has four pilot farms in Sunway City, Kuala Lumpur and a demonstration farm at Sunway Pyramid mall.

The company is building an additional farm on the rooftop at the Sunway Resort & Hotel and a 37,000 sq feet indoor vertical farm in KLCC at the Sunway Tower, which will be the largest indoor farm in the KLCC area.

Urban farming can reduce the carbon footprint by cutting the distance that food needs to travel and eliminate the use of chemical

pesticides.

This also ensures that produce will be fresher and has higher nutritional value as Sunway XFarms takes only three hours to deliver produce to customers.

"We can achieve all this by setting up decentralised, precision farms close to where people live in cities. In addition to reducing carbon emissions and food wastage, this will also build a connection between people and farmers and help educate how we can grow food in a completely pesticide-free manner, which will have a positive impact on people's health."

He said the company envisioned a smart farm within 5km of each community.

He said urban farms were not meant to replace traditional farms, as staples like rice, poultry, cattle or dairy still needed conventional methods.

"But it can augment these farms and impact food security in a sustainable way. Urban populations continue to rise and consumers need healthier food options. This is a problem that we are excited to solve in XFarms."

Usahakan pertanian bandar khususnya di tanah terbiar

Bagi jana pendapatan tambahan di samping tingkatakan taraf hidup peserta koperasi khususnya golongan B40



Koperasi digalakkan untuk menjalankan pertanian bandar terutama di tanah terbiar, sebagai satu daripada cara menjana pendapatan, tambahan di samping meningkatkan taraf hidup peserta khususnya golongan B40.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, konsep pertanian bandar juga selaras dengan keputusan kabinet yang meluluskan tanah terbiar dalam sesebuah kawasan untuk dijalankan pertanian yang bersyarat bukan kekal bagi menjana pendapatan komuniti setempat.

"Dengan adanya konsep pertanian bandar ini menerusi koperasi, secara tidak langsung membantu memperbanyakkan keluaran hasil agromakanan.

"Usaha mewujudkan koperasi yang menjalankan pertanian bandar juga selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memperuntukkan RM100 juta di



FOTO: BERNAMA

Nota (kiri) melawat Kebun Koperasi Keluarga Malaysia pada Majlis Pelancaran Kebun Koperasi Keluarga Malaysia dan Kobuniti Agro Park sempena P'AKM Negeri Selangor di Shah Alam pada Ahad.

bawah Tabung Agromakanan bagi meningkatkan jaminan keselamatan makanan negara di samping jihad kerajaan memerangi orang tengah," katanya selepas melancarkan Kebun Koperasi Keluarga Malaysia dan Kobuniti Agro Park sempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (P-JAKM) Selangor di sini pada Ahad.

Noh berkata, setakat ini terdapat 3,262 koperasi seluruh negara berasaskan sektor pertanian dan industri asasi dengan 10 peratus daripadanya

menjalankan pertanian bandar. Sebelum itu, Noh melancarkan Koperasi Kobuniti Selangor Berhad (Kobuniti) di Seksyen U12 Cahaya Alam di sini yang berkonsepkan model kebun komuniti dikenali Plot Kebun Keluarga Malaysia (PKKM).

Kobuniti seluas 6.07 hektar itu menyedialkan tapak tanaman kortan bagi golongan asnaf dan B40 serta penduduk komuniti setempat mengusahakan pertanian untuk tujuan hobi atau menjana pendapatan. - *Bernama*

Koperasi sertai aktiviti pertanian terus meningkat

Kementerian galak tanah terbiar di bandar diusahakan jana pendapatan B40

Oleh Norzanita Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Jumlah koperasi di negara ini yang menjadikan pertanian sebagai aktiviti utama terus meningkat, termasuk mengusahakan pertanian bandar atau 'urban farming', kata Menteri Pembangunan Usahakan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Mengikuti rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia setakat bulan lalu, sebanyak 14,834 koperasi di seluruh negara berdaftar dengan Suruhanjaya, berkenaan dengan jumlah keahlian seramai 7.1 juta orang.

Daripada jumlah berkenaan, Noh berkata, koperasi yang menjadi pertanian sebagai sektor utama adalah 3,262, termasuk kira-kira 10 peratus yang bertumpu kepada aktiviti pertanian bandar. "Pertanian tidak boleh dilihat untuk luar bandar saja, dalam bandar juga boleh dilaksanakan guna kaedah pertanian moden. Kementerian Pembangunan Usahakan dan Koperasi (KUSKOP) memang menggalakkan koperasi mengusahakan pertanian bandar.

"Sebab itu kita ada federasi (ga-



Noh melawat tapak kebun pada pelancaran Kebun Koperasi Keluarga Malaysia dan Koperasi Kobuniti Selangor Berhad (Kobuniti) Agropark di Shah Alam, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

berpangan, koperasi), malah peruntukan khas yang diluluskan. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini adalah untuk membantu serta menggalakkan pertanian bandar.

"Kerajaan juga memurahkan bahawa tanah terbiar dalam bandar boleh dibangunkan bagi aktiviti pertanian yang bukan tanaman kekal," katanya selepas melancarkan Kebun Koperasi Keluarga Malaysia dan Koperasi Kobuniti Selangor Berhad (Kobuniti) Agropark, di sini semalam.

Beliau berkata, pertanian bandar juga satu cara untuk menjana pendapatan tambahan di samping meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya golongan ber-

pendapatan 40 peratus terendah (B40).

Dengan adanya konsep pertanian bandar menerusi koperasi, Noh berkata, ia secara tidak langsung dapat membantu memperbanyakkan keluaran hasil agro makanan.

PKKM konsisi kementerian

Sementara itu, beliau berkata, Kobuniti Agropark di Seksyen U12 yang berkonsepkan model kebun komuniti dikenali Plot Kebun Keluarga Malaysia (PKKM), tidak memberi kepentingan kepada satu pihak sahaja.

"Konsep Kobuniti berkongsi keuntungan dan peluang kepada anak muda, B40 dan asnaf untuk

jana pendapatan. Lebih menarik apabila program yang dibuat dan berjaya seperti ini, akan dapat menarik korporat untuk sumbangan menayakan program pertanian bandar ini," katanya.

Fokus utama PKKM adalah menyediakan tapak dalam bentuk plot sehuas 200 kaki bagi golongan asnaf dan B40 mengusahakan tanaman komtan untuk menjana pendapatan.

Ia boleh disertai penduduk sekitar yang berminat mengusahakan tanaman komtan, sama ada sekadar hobi atau bagi menjana pendapatan, tetapi tidak mempunyai tanah untuk berbuat demikian.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

22/8/2022

KOSMO

K2

19



Menyelami
Hidup Anda

K2

Kebun puncak bangunan

MESKIPUN beroperasi di atas bumbung, namun Fresh Growcer berfungsi sama seperti kebun di atas tanah dan bukannya sekadar 'kebun pameran' semata-mata.

Kosmo!



Rencana Utama

Oleh
**KHAIRIYAH
HANAFI**



UMPAMA berada di kebun sayur-sayuran di Cameron Highlands, Pahang. Itu gambaran awal penulis tatkala dibawa masuk ke dalam khemah berjaring hitam berkeluasan kira-kira 7,000 kaki persegi (650 meter persegi) dipenuhi pelbagai tanaman sayur-sayuran yang subur mengkilau itu.

Bagaimanapun, di sebalik keindahan yang dinikmati itu, percaya atau tidak kebun sayuran ini sebenarnya terletak di atas bumbung pusat beli-belah 1 Utama di Petaling Jaya, Selangor.

Menarik dan luar daripada kebiasaan, bukan sahaja lokasi tanaman yang membuatkan kebun ini unik, bahkan konsep yang diketengahkan pemilik premis itu sendiri.

Selain menanam tanaman organik untuk dijual kepada pengguna, premis dikenali sebagai Fresh Growcer (Rooftop Farm @ 1 Utama) ini juga membolehkan individu melibat, merasai dan mempelajari sendiri pengalaman memetik sayur-sayuran untuk dibawa pulang ke rumah dari atas bangunan berketinggian 18 meter (m) ke 24m itu.

Secara tidak langsung, inisiatif tersebut membolehkan individu mempelajari kaedah penanaman sayur-sayuran lestari, terutamanya bagi komuniti bandar yang hidup dikelilingi hutan konkrit.

Diusahakan seorang usahawan muda, Emil Jihad bersama rakan kongsinya Tony Yong, kebun atas bumbung itu dibuka kepada umum sejak penghujung Mac lalu.

Kata Emil, dia mahu premis tersebut dijadikan sebagai sebuah pusat ekopelancongan dan pendidikan, yang mana individu boleh berkunjung dan mempelajari kaedah pertanian lestari di situ.

Ujarnya, dia berterima kasih kepada 1 Utama atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam Wawasan Hijau yang dipraktikkan itu.

"Ramai yang berkunjung ke kebun ini dan teruja melihat sayur-sayuran yang ditanam di sini. Bukan sahaja dalam kalangan individu perseorangan dan keluarga, bahkan murid-murid sekolah dari tadika sehingga ke peringkat universiti.

"Ini merupakan antara fokus utama kami iaitu mahu menjadikannya sebagai platform pembelajaran.

"Ini memandangkan, di kawasan bandar, individu tidak berpeluang mengunjungi kebun jauh sekali bercucuk tanam, berbeza dengan mereka yang menetap di desa.

"Justeru, di sini mereka dapat menyaksikan kaedah pertanian lestari menggunakan ruang kosong di atas bumbung pusat beli-belah dengan sumber asli seperti udara dan cahaya matahari," kata pemuda berusia 23 tahun itu kepada K2 baru-baru ini.

Menurutnya, selain didevakan dengan kaedah penanaman, individu



KEBUN yang terletak di atas bumbung pusat beli-belah ini menggunakan kaedah akuaponik untuk tanaman sayur-sayuran. - AFIQ RAZALI

Petik sendiri sayur organik atas bangunan



SELAIN menanam sayur, Fresh Growcer turut memelihara ikan tilapia merah. - FRESH GROWCER

turut diberitahu kaedah sebenar mengekalkan nutrien yang terdapat di dalam sayur.

Meskipun beroperasi di atas bumbung, namun Fresh Growcer berfungsi sama seperti kebun di atas tanah dan bukannya sekadar 'kebun pameran' semata-mata.

Ini kerana, setiap hari, para pekerja akan bertani dengan membuat penyemai benih, pemeriksaan kandungan pH air dan

pelbagai kaedah lain bagi memastikan sayur-sayuran yang ditanam tumbuh dengan subur dan sempurna.

Kongsinya lagi, kebun tersebut menanam lebih 20 jenis sayuran yang dibahagikan kepada dua kelompok iaitu Asia dan Eropah.

Antara sayuran Asia ialah sawi Jepun, purple pak choy, kubis Cina, Thai basil, sawi bunga, nai pak, bayam merah, kangkung, manakala Eropah pula curly kale, butterhead, red coral, Italian sweet

basil, romaine, peppermint, spearmint, rocket (arugula) serta Italian lettuce

Selain sayur, premis tersebut turut menanam buah rock melon dan pokok hiasan serta memelihara ikan tilapia merah tanpa antibiotik untuk dijual kepada pelanggan.

Lebih menarik, meskipun merupakan tanaman organik, namun atas dasar mahu semua lapisan masyarakat berpeluang menikmati sayur-sayuran tersebut, hasil tanaman di Fresh Growcer dijual pada harga serendah RM1.

Setakat ini, antara sayur yang paling laris dijual dan mendapat permintaan tinggi ialah Italian sweet basil, nai pak, kale dan Italian lettuce.

Selain dijual kepada individu persendirian, sayur-sayur ini juga dibekalkan di beberapa buah restoran dan pasar raya yang terdapat di 1 Utama dan sekitar Lembah Klang.

Ber cerita mengenai tanaman organik yang diusahakannya, menurut Emil lagi, mereka menggunakan kaedah akuaponik untuk tanaman di situ, yang mana najis ikan digunakan sebagai baja tambahan semula jadi untuk sayur-sayuran.

Mereka tidak menggunakan sebarang semburan beracun untuk mengawal serangga perosak, melainkan campuran

bahan organik.

"Selain dijadikan platform pembelajaran, matlamat kami di Fresh Growcer ini mahu orang ramai menikmati sayur-sayuran yang benar-benar sihat dan segar pada harga berpatutan.

"Sejak pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang pertama dahulu, ramai individu menjual sayuran yang didakwa organik. Bagaimanapun, kita sendiri tidak dapat memastikan adakah ia benar atau sebaliknya.

"Matlamat di belakang inisiatif ini adalah supaya pelanggan boleh mengunjungi kebun Fresh Growcer dan melihat sendiri sama ada sayur yang kami dihasilkan organik atau tidak, tanpa perlu bergantung sahaja kepada label, memandangkan di sini ikan dan sayuran berkongsi air yang sama.

"Jika sebarang racun serangga digunakan, sudah tentu ikan-ikan yang berada dalam saliran air yang sama akan mati," terangnya.

Mempraktikkan green & sustainable farming dan menyasarkan sifar pembuangan, air yang digunakan akan dikitar semula, manakala sayuran yang tidak dijual akan dijadikan makanan ikan.

Berkongsi lanjut, menurut Emil lagi, tidak dinafikan sayur-sayuran boleh diperolehi dengan mudah di kebanyakan pasar raya.

Bagaimanapun, kebanyakan sumber serat tersebut sudah kekurangan nutrien, memandangkan ia telah dipetik kira-kira dua hingga tiga hari sebelum diletakkan di atas rak.

Itu belum lagi ditambah dengan tempoh individu membeli dan sayur tersebut dimasak.

Sudah tentu, kandungan nutrien yang sepatutnya terdapat pada sayuran tersebut sudah semakin berkurangan.

Melihatkan situasi tersebut, kebun itu mengambil inisiatif menawarkan sayur-sayuran yang segar dan masih lengkap dengan kandungan nutrien dan pelanggan berpeluang memetik sendiri sumber serat yang digemari



EMIL mahu menjadikan premis tersebut sebagai pusat ekopelancongan dan pendidikan, yang mana individu boleh berkunjung dan mempelajari kaedah pertanian lestari.

INFO

Akuaponik

- Sistem akuaponik adalah gabungan akuakultur (ternakan ikan air tawar) dan hidroponik (kaedah pertanian berasaskan air)
- Kaedah ini telah dicipta sejak 3,000 tahun lalu di tanah besar China dan Mesir, akuaponik ditemui kira-kira 1,000 tahun kemudian
- Menerusi kaedah ini, air dari kolam yang mengandungi najis ikan akan digunakan sebagai baja tambahan tanaman
- Antara kelebihan akuaponik ialah dapat mengurangkan perbelanjaan isi rumah dan mampu menjana pendapatan selain menghasilkan makanan dengan meminimum atau tanpa penggunaan bahan kimia
- Antara tanaman yang sesuai menggunakan sistem ini ialah kangkung, bayam, cili, pakchoy
- Facebook/Instagram: @freshgrowcer

berserta akar.

"Ramai yang tidak tahu apabila akar dipotong, hampir sebahagian daripada nutrien yang ada dalam sayur tersebut telah hilang.

"Justeru, dengan memetikinya

sendiri berserta akar, nutrien yang ada di dalam sayur tersebut mampu dikedalkan.

"Bahkan ia mampu bertahan kira-kira empat hari dengan hanya merendam akarnya di dalam mangkuk atau baldi berisi air bersih tanpa perlu ditetapi dalam peti sejuk.

"Paling penting, ia memberi nutrisi sepenuhnya, makanan yang sihat dan harga berpatutan, selain ilmu tambahan serta pengalaman yang menyeronokkan kepada individu," terangnya.

Menurutnya lagi, Fresh Growcer turut menjual sistem tanaman yang boleh digunakan di rumah atau di kedai bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam dan mengenal pasti sumber makanan mereka.

Dari situ, mereka berpeluang untuk mengetahui tahap kesihatan dan kebersihan sayur-sayuran yang dimakan tanpa bergantung kepada label atau sijil.

Mahu menumpukan sepenuh fokus pada kebun pertamanya, Emil dan Tony tidak terdesak untuk membuka cawangan lain setakat ini.

Tambahan pula, kebun yang ada itu baru dibuka kepada orang ramai beberapa bulan lalu.



DR. MUHAMMAD FIRDAUS

Tanaman tanpa tanah untuk warga kota

MENDIAM! kawasan hutan konkrit seperti apartmen dan kondominium memberi kesukaran buat warga kota untuk bercucuk tanam.

Bagaimanapun, menurut Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian dari Universiti Putra Malaysia, Dr. Muhammad Firdaus Sulaiman, aktiviti penanaman masih boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah tanpa tanah bagi menghasilkan kebanyakan jenis sayuran berdaun.

Antara kaedah yang boleh digunakan adalah sistem hidroponik, yang mana akar tanaman akan drendam di dalam air mengandungi larutan nutrien tanaman.

Bagaimanapun, jenis tanaman melalui kaedah itu terhad kepada tanaman bersaiz kecil seperti kebanyakan sayuran berdaun kerana ia tidak dapat menyokong beban tanaman bersaiz besar.

"Warga kota yang berminat untuk bercucuk tanam boleh bermula dari rumah kerana sistem penanaman seperti hidroponik tidak memerlukan ruang luas terutama bagi mereka yang tinggal di kediaman bertingkat.

"Terdapat banyak rujukan dan panduan boleh didapati dari internet dan YouTube berkenaan kaedah itu.

"Mereka juga boleh merujuk kepada pegawai Jabatan Pertanian yang mempunyai unit khusus bagi memberi bimbingan dalam mengusahakan perkebunan bandar," katanya.

Menurutnya, selain penanaman hidroponik, individu juga boleh menyertai kebun-kebun komuniti yang mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pertanian berhampiran kediaman masing-masing.

"Sekiranya tiada kebun komuniti berhampiran, mereka boleh memohon kepada PBT untuk memperuntukkan kawasan di atas tanah kerajaan yang belum diusahakan untuk memulakannya.

"Selain dapat mengurangkan perbelanjaan harian, aktiviti bercucuk tanam secara komuniti juga dapat merapatkan hubungan antara ahli kejiranan, mengisi masa terluang khususnya bagi suri rumah dan golongan pesara serta menyihatkan badan," ujarnya.



BERPELUANG memetik sendiri sayur-sayuran, ia memberi pengalaman menarik kepada pengunjung dalam bidang pertanian.